



3 April 2012
3 April 2012
P.U. (A) 95

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERATURAN-PERATURAN PERIKANAN (PEMATUHAN KAWALAN PENYAKIT IKAN BAGI EKSPORT DAN IMPORT) 2012

FISHERIES (FISH DISEASE CONTROL COMPLIANCE FOR EXPORTS AND IMPORTS) REGULATIONS 2012



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PERIKANAN 1985

PERATURAN-PERATURAN PERIKANAN
(PEMATUHAN KAWALAN PENYAKIT IKAN BAGI EKSPORT DAN IMPORT) 2012

SUSUNAN PERATURAN-PERATURAN

Peraturan

1. Nama
2. Kehendak bagi eksport ikan
3. Kehendak bagi import ikan
4. Permohonan bagi sijil kesihatan ikan
5. Kuasa untuk menghendaki maklumat tambahan, dsb.
6. Pemberian atau keengganan memberikan sijil kesihatan ikan
7. Kuasa untuk mengenakan syarat tambahan, mengubah atau membatalkan syarat
8. Kesahan sijil kesihatan ikan
9. Pembatalan sijil kesihatan ikan

AKTA PERIKANAN 1985

PERATURAN-PERATURAN PERIKANAN
(PEMATUHAN KAWALAN PENYAKIT IKAN BAGI EKSPORT DAN IMPORT) 2012

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 61(*ai*) Akta Perikanan 1985 [Akta 317], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama

1. Peraturan-peraturan ini hendaklah dinamakan **Peraturan-Peraturan Perikanan (Pematuhan Kawalan Penyakit Ikan bagi Eksport dan Import) 2012**.

Kehendak bagi eksport ikan

2. Mana-mana orang yang mengeksport ikan hendaklah—
 - (a) mematuhi langkah-langkah kawalan penyakit ikan yang ditetapkan oleh pihak berkuasa kompeten;
 - (b) mendapatkan ikan daripada sistem kultur yang diluluskan oleh pihak berkuasa kompeten; dan
 - (c) memohon sijil kesihatan ikan daripada Ketua Pengarah secara bertulis.

Kehendak bagi import ikan

3. Mana-mana orang yang mengimport ikan hendaklah—
 - (a) mematuhi langkah-langkah kawalan penyakit ikan yang ditetapkan pihak berkuasa kompeten;
 - (b) mendapatkan ikan daripada sistem kultur yang diluluskan oleh pihak berkuasa kompeten negara pengeksport; dan
 - (c) menyertakan sijil kesihatan ikan yang asal bersama konsainan import yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa kompeten negara pengeksport.

Permohonan bagi sijil kesihatan ikan

4. (1) Bagi maksud perenggan 2(c), mana-mana orang yang ingin mengeksport ikan hendaklah memohon kepada Ketua Pengarah bagi suatu sijil kesihatan ikan dalam apa-apa bentuk dan cara yang ditetapkan oleh Ketua Pengarah.

(2) Suatu permohonan bagi sijil kesihatan ikan di bawah subperaturan (1) boleh ditarik balik oleh pemohon pada bila-bila masa sebelum permohonan itu diluluskan atau ditolak.

Kuasa untuk menghendaki maklumat tambahan, dsb.

5. (1) Ketua Pengarah boleh, pada bila-bila masa selepas menerima permohonan di bawah peraturan 4, menghendaki supaya pemohon memberikan Ketua Pengarah apa-apa maklumat atau dokumen tambahan mengenai permohonan itu dalam tempoh yang ditetapkan oleh Ketua Pengarah.

(2) Jika apa-apa maklumat atau dokumen tambahan yang dikehendaki di bawah subperaturan (1) tidak diberikan oleh pemohon dalam tempoh yang ditetapkan atau apa-apa masa lanjutan yang diberikan oleh Ketua Pengarah, permohonan itu hendaklah disifatkan telah ditarik balik dan tidak akan diteruskan, tanpa menjejaskan permohonan baru yang dibuat oleh pemohon.

Pemberian atau keengganan memberikan sijil kesihatan ikan

6. (1) Ketua Pengarah boleh, selepas menimbangkan permohonan bagi suatu sijil kesihatan ikan yang dibuat di bawah peraturan 4 dan apa-apa maklumat atau dokumen tambahan yang diberikan di bawah peraturan 5, memberikan atau enggan memberikan sijil itu.

(2) Keputusan Ketua Pengarah untuk memberikan atau enggan memberikan sijil kesihatan ikan itu, hendaklah disampaikan kepada pemohon melalui notis bertulis.

Kuasa untuk mengenakan syarat tambahan, mengubah atau membatalkan syarat

7. (1) Ketua Pengarah boleh pada bila-bila masa—

(a) mengenakan apa-apa syarat tambahan ke atas sijil kesihatan ikan; atau

(b) mengubah atau membatalkan apa-apa syarat yang dikenakan ke atas sijil kesihatan ikan.

(2) Sebelum Ketua Pengarah membuat keputusan di bawah subperaturan (1), dia hendaklah memberi pemegang sijil kesihatan ikan itu—

(a) suatu notis bertulis mengenai hasratnya untuk berbuat demikian; dan

(b) peluang untuk membuat representasi bertulis dalam tempoh yang ditetapkan dalam notis bertulis itu.

(3) Ketua Pengarah hendaklah, selepas habis tempoh yang ditetapkan dalam notis itu, dan selepas menimbangkan apa-apa representasi yang dibuat oleh pemegang sijil kesihatan ikan di bawah subperaturan (2), memutuskan sama ada untuk mengenakan, mengubah atau membatalkan mana-mana syarat yang dikenakan di bawah subperaturan (1).

(4) Ketua Pengarah hendaklah memberi pemegang sijil kesihatan ikan itu suatu notis bertulis mengenai keputusannya di bawah subperaturan (3) dan keputusan itu hendaklah berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan dalam notis bertulis itu.

Kesahan sijil kesihatan ikan

8. Suatu sijil kesihatan ikan hendaklah sah hanya kepada negara pengimport dan bagi setiap konsainan ikan yang dieksport yang ditetapkan dalam sijil kesihatan ikan itu melainkan jika terlebih dahulu dibatalkan.

Pembatalan sijil kesihatan ikan

9. Ketua Pengarah boleh pada bila-bila masa membatalkan sijil kesihatan ikan yang dikeluarkan di bawah peraturan 6 jika mana-mana orang yang mengeksport—

- (a) melanggar perenggan 2(a); atau
- (b) memperoleh sijil itu melalui penipuan.

Dibuat 26 Mac 2012
[Prk. ML. 11/01/30; PN(PU2)160/XII]

DATUK SERI NOH BIN HAJI OMAR
Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani

FISHERIES ACT 1985

FISHERIES (FISH DISEASE CONTROL COMPLIANCE FOR EXPORTS AND IMPORTS)
REGULATIONS 2012

ARRANGEMENTS OF REGULATIONS

Regulations

1. Name
2. Requirements for fish exports
3. Requirements for imported fish
4. Application for a fish health certificate
5. Power to require additional information, *etc.*
6. Grant or refusal of fish health certificate
7. Power to impose additional conditions, vary or revoke the conditions
8. Validity of fish health certificate
9. Cancellation of fish health certificate

FISHERIES ACT 1985

FISHERIES (FISH DISEASE CONTROL COMPLIANCE FOR EXPORTS AND IMPORTS)
REGULATIONS 2012

IN exercise of the powers conferred by paragraph 61(*ai*) of the Fisheries Act 1985 [Act 317], the Minister makes the following regulations:

Name

1. These regulations shall be cited as the **Fisheries (Fish Disease Control Compliance for Exports and Imports) Regulations 2012**.

Requirements for fish exports

2. Any person who exports fish shall—
 - (a) comply with the measures for fish disease control prescribed by the competent authority;
 - (b) source the fish from culture system approved by the competent authority; and
 - (c) apply for a fish health certificate in writing to the Director General.

Requirements for imported fish

3. Any person who imports fish shall—
 - (a) comply with the measures for fish disease control prescribed by the competent authority;
 - (b) source the fish from culture system approved by the competent authority of the exporting country; and

- (c) include the original fish health certificate issued by the competent authority of the exporting country with the imported consignment.

Application for a fish health certificate

4. (1) For the purpose of paragraph 2(c), any person who intends to export shall make an application to the Director General for a fish health certificate in such form and manner the Director General may determine.

(2) An application for fish health certificate under subregulation (1) may be withdrawn at any time by the applicant before it is approved or refused.

Power to require additional information, etc.

5. (1) The Director General may, at any time after the receipt of an application under regulation 4, require the applicant to provide to the Director General any additional information or documents relating to an application within the period specified by the Director General.

(2) If any additional information or documents required under subregulation (1) are not provided by the applicant within the period specified or any extension of time granted by the Director General, the application shall be deemed to be withdrawn and shall not be further proceeded with, without prejudice to a fresh application being made by the applicant.

Grant or refusal of fish health certificate

6. (1) The Director General may, after considering the application for a fish health certificate made under regulation 4 and any additional information or document provided under regulation 5, grant or refuse to grant the certificate.

(2) The decision of the Director General to grant or not to grant a fish health certificate shall be communicated to the applicant by written notice.

Power to impose additional conditions, vary or revoke the conditions

7. (1) The Director General may at any time—

(a) impose any additional conditions on fish health certificate, or

(b) vary or revoke any condition imposed on fish health certificate.

(2) Before the Director General makes a decision under subregulation (1), he shall give the fish health certificate holder—

(a) a written notice of his intention to do so; and

(b) an opportunity to make written representations within a period specified in the written notice.

(3) The Director General shall, after the expiry of the period specified in the notice, and after considering the representations made by the fish health certificate holder under subregulation (2), decide whether to impose, vary or revoke any condition imposed under subregulation (1).

(4) The Director General shall give the fish health certificate holder a written notice of his decision under subregulation (3) and the decision shall be effective on the date specified in the written notice.

Validity of fish health certificate

8. A fish health certificate shall only be valid for the importing country and for each exported consignment of the fish as specified in the fish health certificate unless sooner revoked.

Cancellation of fish health certificate

9. The Director General may at any time cancel the fish health certificate issued under regulation 6 if any person who exports—

(a) contravenes paragraph 2(a); or

(b) obtained such certificate by means of fraud.

Made 26 March 2012
[Prk. ML. 11/01/30; PN(PU2)160/XII]

DATUK SERI NOH BIN HAJI OMAR
Minister of Agriculture and Agro-based Industry